

03/09/1999

Pemulihan pengaruhi keputusan pilihan raya

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya pemulihan ekonomi sekarang memberi kesan terhadap keputusan pilihan raya umum akan datang.

Ketika ditanya wartawan sama ada sekarang masa yang sesuai untuk pilihan raya memandangkan petunjuk pemulihan ekonomi jelas memihak kepada kerajaan, Perdana Menteri bagaimanapun mengelak memberi jawapan secara langsung.

Sebaliknya, beliau hanya ketawa sebaik saja diajukan soalan itu oleh seorang wartawan asing, pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan di simposium antarabangsa mengenai kawalan modal dan kerjasama kewangan Asia di sini hari ini.

"Ini memberi kesan kepada pilihan raya, saya pasti," jawabnya ringkas.

Kali terakhir pilihan raya umum diadakan ialah pada April 1995. Tempoh kerajaan sekarang berakhir pada 7 Jun 2000.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, pilihan raya mesti diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembubaran dan jika dikira dari tarikh akhir tempoh Parlimen, pilihan raya perlu diadakan selewat-lewatnya 6 Ogos 2000.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, rakyat di luar bandar tidak begitu mengambil berat mengenai pemulihan ekonomi kerana kemelesetan tidak menjejaskan mereka.

"Penduduk di kampung mengeluarkan makanan sendiri. Mereka tidak terjejas dengan import. Malah, pekebun kecil di ladang sawit mendapat keuntungan daripada krisis ekonomi ini.

"Ini kerana mata wang Malaysia turun nilai dan mereka menjual dalam dolar Amerika dan memperoleh pendapatan lebih dalam ringgit.

"Jadi mereka gembira. Mereka mengharapkan krisis ini berterusan. Memandangkan ia sudah berhenti, mungkin mereka tidak akan mengundi kerajaan," katanya berseloroh.

Perdana Menteri turut mempersoalkan keikhlasan Amnesty International dalam mengesa Malaysia mengkaji semula beberapa undang-undangnya yang mereka dakwa menjejaskan hak asasi rakyat Malaysia.

Beliau mempersoalkan kenapa pertubuhan itu tidak menyatakan pendirian mereka terhadap pedagang mata wang yang memiskinkan berjuta-juta manusia, menyebabkan mereka kehilangan pekerjaan sehingga melakukan rusuhan, membunuh dan mencuri.

"Hak mereka untuk bekerja telah diragut pergi dan Amnesty International tidak berkata apa-apa pun. Apa komen Amnesty International mengenai pengeboman berterusan terhadap Iraq, yang menyebabkan ramai rakyat tidak bersalah terbunuh. Apakah mereka tidak mempunyai hak untuk hidup," ujarnya.

Dr Mahathir berkata, jika Barat tidak sukakan pemimpin Iraq, mereka perlu mengambil tindakan terhadap pemimpin itu, bukan membiarkan rakyatnya kebuluran dan kanak-kanak tanpa makanan dan perubatan.

"Amnesty International tidak berkata apa-apa mengenai hal itu tetapi mereka boleh nampak Malaysia. Dari sejuta batu jauhnya, mereka boleh melihat pelbagai perkara, seperti kata pepatah Melayu kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tak nampak," katanya.

Amnesty International, dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di ibu pejabatnya di London semalam, meminta Malaysia mengkaji semula beberapa undang-undangnya dengan menuduh kerajaan menjejaskan hak asasi rakyat negara ini.

Kenyataan itu antara lain mendakwa, kerajaan Malaysia secara beransur-ansur menjejaskan perlindungan Perlembagaan, melemahkan institusi-penting dan menempatkan sebaris undang-undang terhad yang menyekat penentangan dan perdebatan umum.

Ditanya seorang wartawan asing mengenai penilaiannya terhadap keadaan politik semasa selepas ulang tahun pertama pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini, Dr Mahathir berkata:

"Ia bukan ulang tahun untuk apa-apa...maksud saya ramai orang ditangkap dan menghadapi perbicaraan...tiada siapa kata ulang tahun. Jadi, saya tidak nampak apa yang kita kisah mengenai perkara ini".

(END)